

## Pengaruh Program Pembangunan Terhadap Pilihan Politik Pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chetok, Rantau Panjang, Kelantan

*The Development Influence Program on the Political Choices of Voters in State Legislative Assembly Area of Chetok, Rantau Panjang, Kelantan*

Siti Nur Ain Mohd Yazid

<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Politik di Malaysia seringkali menjadi polemik yang begitu hangat pada setiap kali menjelangnya pilihan raya umum (PRU). Kuasa pemilihan parti politik dalam memegang tampuk kerajaan adalah terletak kepada kuasa undi rakyat. Rakyat akan mengambil kira daripada pelbagai aspek dalam menentukan pengemudi yang akan memerintah negara serta membina kerajaan yang lebih baik. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh program pembangunan terhadap pilihan politik pengundi di kawasan dewan undangan negeri (DUN) Chetok, Rantau Panjang, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik iaitu melibatkan 51 responden, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 76.5 peratus responden yang mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang jelas berkenaan konsep pembangunan di kawasan kajian. Dalam pada itu, persepsi politik responden berkenaan minat mereka terhadap politik adalah lebih kepada tidak berminat iaitu sebanyak 56.9 peratus namun hampir separuh responden yang meminati politik iaitu sebanyak 43.1 peratus. Seterusnya, 64.7 peratus responden yang menyokong bahawa program pembangunan yang dilakukan oleh pihak tertentu dapat menentukan pilihan politik di kawasan kajian. Namun begitu, segelintir responden iaitu sebanyak 13.7 peratus yang tidak menyokong berkenaan penentuan pilihan politik adalah disebabkan oleh program pembangunan malah 21.6 peratus responden yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Kesimpulannya, kajian ini begitu penting dalam menambah ilmu pengetahuan serta sekaligus dapat menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya. Kajian ini turut dapat menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.*

**Kata kunci:** polemik, parti politik, rakyat, pembangunan, pilihan politik

### ABSTRACT

*Politics in Malaysia often becomes a hot polemic every time the general election (GE) approaches. The power of choosing a political party in holding the reins of government rests with the power of the people's vote. The people will take into account various aspects in determining the driver who will rule the country and build a better government. Thus, it is the purpose of writing this article to analyze the influence of development programs on the political choices of voters in the Chetok state assembly area, Rantau Panjang, Kelantan. This study uses a field data collection method that involves a questionnaire involving 51 respondents, interviews and observations in the field. Data analysis techniques were used using the Statistical Package for Social*

*Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 76.5 percent of respondents have a clear level of knowledge and understanding regarding the concept of development in the study area. In the meantime, the political perception of the respondents regarding their interest in politics is more than not interested which is 56.9 percent but almost half of the respondents are interested in politics which is 43.1 percent. Next, 64.7 percent of respondents supported that development programs carried out by certain parties can determine political choices in the study area. However, a small number of respondents, namely 13.7 percent who do not support the determination of political choice is due to the development program and even 21.6 percent of respondents who are not sure about the statement. In conclusion, this study is very important in adding knowledge as well as being able to add data related to the study of election politics. This study can also be a reference for political parties and the government so that they can examine the issues and problems that occur in order to be more sensitive in meeting the needs of the community as best as possible.*

**Keywords:** polemic, political parties, folk, development, political choice

## 1. Pengenalan

Malaysia salah sebuah negara yang menyambut baik sistem demokrasi berparlimen iaitu rakyat mempunyai hak dalam menentukan pemimpin mereka. Pemahaman mengenai politik di Malaysia bergantung kepada pengetahuan yang diperoleh rakyat. Sistem pilihan raya di Malaysia mula digerakkan pada tahun 1955 iaitu pada ketika itu kuasa politik yang utama adalah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Sepanjang bermulanya rentak demokrasi di Malaysia, pelbagai senario yang dapat disaksikan yang melibatkan calon pilihan dan juga rakyat itu sendiri (Ab Rashid & G Manimaran 2021).

Namun begitu, di Malaysia pilihan raya akan dibuat setiap lima tahun apabila parlimen dibubarkan. Dalam sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia, wakil calon di sesuatu bahagian di kawasan Parlimen dipanggil Pilihan Raya Umum (PRU) manakala di peringkat negeri dipanggil Dewan Undangan Negeri (DUN). Terdapat 222 kerusi bagi Dewan Rakyat (Parlimen) dan 567 kerusi bagi Dewan Undangan Negeri (DUN). Beberapa elemen penting pilihan raya yang terdapat dalam sistem pilihan raya iaitu bahagian pilihan raya, pemilih, calon dan proses pilihan raya (Astro Awani 2022). Walau bagaimanapun, setiap kali musim pilihan raya bermula, maka pelbagai senario dan drama yang dapat disaksikan baik dalam kalangan calon pilihan mahupun rakyat itu sendiri. Perkara ini sudah tidak asing lagi dalam senario politik di Malaysia sehingga PRU-15 baru-baru ini.

Dalam pada itu, dalam menyakinkan rakyat untuk memilih calon pemimpin, mereka akan diberi kepercayaan atau dasar yang ingin dilakukan oleh parti politik tersebut. Erti kata lain dasar tersebut dipanggil "manifesto". Pilihan rakyat turut dipengaruhi dengan apa yang diperlukan oleh sesuatu kawasan tersebut seperti pembangunan dan pembaharuan di sesuatu tempat. Namun begitu, setiap perubahan yang dibuat oleh pemimpin parti politik sudah pasti akan berlaku beberapa perdebatan atau kekeliruan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk mengkaji pengaruh program pembangunan terhadap pilihan politik pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chetok, Rantau Panjang, Kelantan.

## 2. Sorotan Literatur

Ulasan literatur atau kajian lepas ini mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian iaitu segala yang dikaji yang boleh diperoleh dalam jurnal, buku dan juga laporan penyelidikan. Kajian lepas dijalankan bagi memahami struktur latar belakang subjek penyelidikan pengkaji dengan lebih mendalam dan membantu penyelidik dalam menyediakan borang soal selidik. Umumnya, terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik luar negara dan dalam negara berkaitan dengan

bidang politik. Perbincangan tentang kajian lepas adalah berpandukan kepada pendekatan teori yang diguna bagi kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan ini memberi kesan positif dan kepentingan kepada pelbagai pihak dan peringkat. Antara subtopik yang terkandung dalam bahagian ini adalah seperti politik pilihan raya di luar negara, politik pilihan raya di Malaysia dan politik pilihan raya di Kelantan.

Untuk kajian politik pilihan raya luar negara, berdasarkan artikel ‘Kebijakan Politik dan Keamanan Australia di Kawasan Asia Pasifik’ oleh Aleksius Jemadu (2006), keunikan kedudukan Australia dalam hal rantau mempengaruhi kedua-dua kandungan dan modaliti keselamatannya dan dasar luar berbanding negara jiran Asia. Sejak Perdana Menteri Australia iaitu John Howard mengambil alih kuasa, ada yang lebih tegas dan pendekatan yang agresif terhadap rantau ini seperti yang cuba dilakukan oleh Australia untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran keselamatan negaranya dasar.

Kajian oleh Perepechko, Brunnen dan Kolossov iaitu ‘Organisasi dan Perlembagaan Parti Politik Russia pada tahun 1905 hingga 1917 dan tahun 1993 hingga 2007: Persamaan dan Perbezaan dari Dua Zaman’ (2010) menghuraikan kesan ciri organisasi terhadap kejayaan atau kegagalan pilihan raya dianalisis untuk 24 parti. Model yang digunakan meramalkan dengan tepat kedua-dua parti yang berjaya dan gagal dalam pilihan raya Duma Rusia 2007.

Menurut kajian ‘Jurang Pengetahuan, Jurang Kepercayaan, Ideologi dan Perang Budaya’ oleh Gaziano (2013), boleh dikatakan perpecahan ideologi dan kepartian semakin membahagi Amerika Syarikat sehingga menjadi puak yang menentang. Artikel tersebut membincangkan kerangka teori untuk penyelidikan mengenai jurang pengetahuan dan kepercayaan untuk lebih memahami peningkatan jurang antara konservatif dan liberal.

Seterusnya, menurut kajian oleh Hilmy yang bertajuk ‘Penyertaan Masyarakat dan Budaya Politik: Kajian Kes Tingkah Laku Pengundian di Kabupaten Jombang’ (2014) mengupas berkenaan institusi politik dan sosial sangat memainkan peranan penting dalam mengubah tingkah laku. Perubahan pola penyertaan masyarakat yang tidak sepenuhnya bergantung pada peraturan telah dibuat oleh rakyat, badan perwakilan atau pemimpin politik daerah; tetapi berdasarkan isu tertentu.

Merujuk kajian ‘Kuasa Hegemoni Dan Kestabilan Ekonomi Politik Antarabangsa’ oleh Mohamad (2015), teori kestabilan Hegemoni sangat penting dalam memahami pembentukan kestabilan dan ketidakstabilan ekonomi politik antarabangsa. Mengikut teori ini, peranan yang dimainkan oleh sesebuah kuasa hegemoni sangat penting dalam membentuk kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa. Tanpa kewujudan sebuah kuasa hegemoni yang betul-betul kuat dalam sistem antarabangsa, maka kestabilan antarabangsa sukar untuk diwujudkan.

Berikutnya, kajian politik pilihan raya dalam negara, NSTP Research and Information Services (1994) memperihalkan bahawa Malaysia mengamalkan sistem Parlimen Persekutuan yang demokratik dengan konstituensi beraja yang menggunakan model British Westminster. Malaysia juga mengamalkan doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Selain itu, kajian oleh Awang Jabar yang bertajuk ‘UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004: Analisis Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Kemenangan (2006)’ berdasarkan objektif meneliti faktor yang menyumbang kepada kejayaan PAS mengambil-alih tumpuk pemerintahan Terengganu dari UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan kejayaan UMNO merampas kembali tumpuk pemerintahan Terengganu dari PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004. Hasil kajian mendapat tindakan mereka menolak UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan menerima UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2004 khususnya adalah didasarkan kepada kerasionalan mereka dalam memilih parti politik, selain lebih tersusun organisasinya, malah akan memberikan keuntungan kepada diri mereka sendiri jika diberikan kuasa pada waktu itu.

Nur Azween & Nidzam (2008) dalam ‘Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12’ mendapat media alternatif mempunyai impak

yang signifikan ke arah perubahan trend pengundian masyarakat Malaysia terutamanya dalam konteks politik bandar. Dalam masa yang sama, politik baru yang lebih banyak menumpukan isu korupsi, penyelewengan dan salah guna kuasa menjadi isu utama laungan media ini. Rakyat tidak lagi terpengaruh dengan politik lama seperti isu etnik, bahasa, agama dan daerah. Perubahan trend ini memberi petanda bahawa media alternatif wujud sebagai medium penting dalam penyampaian isu politik baru seterusnya memberi impak terhadap trend pengundian di negara ini.

Seterusnya, dalam jurnal bertajuk ‘Media, demokrasi dan generasi muda: analisis keputusan pilihan raya umum ke-12’ oleh Samsudin (2010) menjelaskan bahawa pilihan raya umum (PRU) ke-12 telah mengubah lanskap politik di Malaysia. Buat pertama kali sejak merdeka, parti pemerintah Barisan Nasional gagal menguasai kerajaan di lima buah negeri dan juga tidak mempunyai majoriti dua pertiga di parlimen persekutuan. Selain daripada isu yang dibangkitkan dalam kempen pilihan raya, pengaruh internet dalam kalangan generasi muda dikatakan sebagai diantara faktor yang mengayun undi generasi muda kepada parti pembangkang Pakatan Rakyat. Kajian ini telah menganalisis boleh ubah kepercayaan terhadap media termasuk internet; isu utama seperti isu kenaikan harga barang, pengangguran, kadar jenayah, peningkatan kes rasuah dan layanan sama rata antara kaum; dengan kepuasan terhadap keputusan PRU-12. Analisis regresi berganda menunjukkan kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan serta isu yang dibangkitkan pilihan raya menyumbang secara positif terhadap kepuasan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang.

Menurut Junaidi & Mohd Fuad (2011) dalam pernyataan ‘Keperluan belia dan pendapat politik di kawasan Parlimen Muar, Johor’ mendapati bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Bagi aspek sosial pula, mereka menuntut supaya kemudahan jalur lebar/internet diperluaskan di samping memperbanyak aktiviti yang bersesuaian dengan jiwa belia seperti aktiviti sukan dan rekreasi. Aspek pendidikan pula perlu diperbanyak pusat kemahiran serta pemberian biasiswa kepada pelajar yang layak dan memerlukan, seterusnya bagi aspek politik mereka berharap agar perlunya pemimpin yang jujur, bersih, amanah dan mementingkan rakyat/pengundi di samping perlu diberi lebih ruang kepada mereka untuk berpolitik seterusnya menyuarakan pandangan mereka tentang politik semasa. Dari sudut alam sekitar pula, mereka menyarankan pihak berkuasa agar menggerakkan aktiviti gotong royong dalam kalangan masyarakat setempat di samping mencantikkan landskap persekitaran agar lebih segar dan ceria.

Bagi kajian politik pilihan raya di Negeri Kelantan, Mohammad Agus (1995) dalam kajian PRU 1990 di Kelantan mendapat kerjasama erat antara PAS dengan Semangat 46 yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang menonjolkan imej perpaduan yang baik, kegagalan UMNO menangani krisis antara Menteri Besar (BN) dengan Sultan dengan baik, imej pemimpin APU/PAS iaitu Nik Aziz yang baik dan sederhana, jentera parti dan strategi kempen APU yang kemas dan tersusun, pengaruh manifesto APU dan peranan media massa yang berat sebelah menyebabkan rakyat Kelantan menolak BN dalam PRU 1990 tersebut.

Menurut Samsiyah (1996) menyatakan dalam sesuatu proses politik, pandangan, tingkah laku, dan respon antara individu adalah berlainan. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang. Wan Imran (1996) dalam buku yang bertajuk “Krisis Politik Kelantan: Siapa Salah? Sultan? Semangat 46? atau PAS?” menjelaskan bahawa pembubaran Parti Melayu Semangat 46 untuk menyertai UMNO adalah untuk penyatuan Melayu demi mempertahankan hak dan ketuanan Melayu.

Abdul Rahman (1999) dalam kajian kes kesedaran dan partisipasi politik dalam kalangan masyarakat Siam Kelantan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kelaboran, Tumpat mendapati tahap kesedaran politik mereka berada pada tahap sederhana tetapi dari segi tahap partisipasi politik masih rendah, kecuali dari segi kegiatan mendengar ceramah politik dan mengundi adalah aktif.

Partisipasi hanya pada peringkat cawangan parti di kampung mereka sahaja kerana ketiadaan kepimpinan dan organisasi pada peringkat kampung.

Hassan (1999) dalam kajiannya menyatakan peratusan undi yang diperoleh dan dicapai oleh BN dan juga PAS sejak PRU 1955 hingga 1995. Penulis menerangkan bagaimana dan faktor-faktor yang mempengaruhi undi antara BN dan PAS. Antaranya ialah faktor dalam sama ada dari BN ataupun PAS itu sendiri. Penulis juga menyatakan pengaruh Ku Li masih kuat di Kelantan sambil menyatakan Ku Li memang mempengaruhi senario politik Kelantan.

Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar (2011) menjelaskan bahawa pengundi di luar bandar dalam PRK DUN Manek Urai, Kelantan lebih condong untuk menyokong Barisan Nasional (BN). Walaupun BN tewas dalam PRK tersebut, namun undi kepada PAS telah merosot. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Noor (2011) mengkaji sama ada BN berjaya atau tidak berjaya menguasai Kelantan dalam PRU-12 dan PRU-13. Penguasaan kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan sebelum pilihan raya adalah 22 kerusi BN dan 23 kerusi PAS/PKR. Pilihan raya ke-12 dianggap sensitif bagi kedua-dua pihak.

Seterusnya, dalam kajian oleh Mohd Rozimi dan Ahmad Kamal (2012) menerangkan tentang suasana politik di negeri Kelantan bermula dari era pemerintahan parti PAS sehingga pengisytiharan Darurat 1977. Kajian ini melihat dari aspek sejarah dan menjadikan sumber-sumber kepustakaan sebagai data dalam men-jelaskan fenomena yang berlaku. Junaidi, Mohd Fuad dan Mohd Faidz (2012) dalam kajian PRK DUN Galas, Kelantan menyatakan bahawa manifesto yang meliputi aspek pembangunan sosial mempengaruhi pilihan politik pengundi di dalam kajian ini.

### 3. Metod dan Kawasan Kajian

#### 3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis sumber data iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder. Sumber data primer ialah sumber maklumat yang diperoleh melalui kajian lapangan. Sumber ini adalah terhad. Oleh hal yang demikian, penggunaan sumber data sekunder sangat penting untuk menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang diperoleh daripada data primer. Namun, sumber data sekunder tersebut mestilah sahih dan dalam kategori sumber yang ilmiah seperti bahan pustaka, buku dan jurnal. Berikut merupakan metod kajian yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Data juga terdiri daripada dua jenis iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Menurut Izham (2008), data kualitatif adalah butiran maklumat yang dinyatakan dalam bentuk pendapat, pandangan seseorang atau ia juga dalam bentuk bukan berangka, manakala data kuantitatif pula merujuk kepada maklumat yang diperoleh dalam bentuk nombor seperti jumlah orang dan sebagainya.

Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Instrumen tersebut merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Sesuatu borang soal selidik hanya boleh dibentuk berdasarkan objektif khusus kajian untuk mengumpul data kajian. Soal selidik juga menjadi alat ukur yang lazimnya digunakan dalam sesuatu kajian penyelidikan. Tambahan itu, penggunaan kaedah soal selidik sangat relevan kerana mampu mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Di samping itu, bagi memudahkan pengkaji mendapatkan data daripada responden, pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui google form. Responden akan menjawab soalan soal selidik itu dengan mudah di atas talian. Soal selidik dalam kajian ini membabitkan responden yang dibahagikan kepada kawasan luar bandar dan dalam bandar kawasan

kajian. Responden terdiri daripada pelbagai peringkat umur, jantina dan kaum serta mereka yang sudah layak mengundi iaitu responden yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Temu bual merupakan perbualan antara dua orang atau lebih yang mana melibatkan penemu bual dengan individu ditemu bual. Penemu bual adalah melibatkan pengkaji manakala individu yang ditemu bual pula adalah informan. Temu bual merupakan teknik pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka (face to face) atau melalui percakapan telefon antara pengkaji dengan individu yang ditemu bual (informan). Temu bual atau sinonim dengan istilah interview adalah suatu proses interaksi dan komunikasi yang melibatkan dua orang atau lebih (subjek dan objek). Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada informan. Temu bual berstruktur juga adalah aktiviti perbualan dan soal jawab iaitu bentuk dan kandungan soalan yang ingin ditanya adalah terhad pada sesuatu tajuk atau bidang yang tertentu sahaja. Bagi kajian ini, kaedah temu bual secara bersemuka akan dibuat mengikut soalan yang diberikan, pengkaji berjumpa dengan informan yang berbeza dan berlainan parti politik untuk mengulas dan memberi pandangan mengenai soalan yang dikemukakan.

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan selain daripada kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Pemerhatian ini dilakukan sendiri oleh pengkaji dengan cara pengkaji turun ke lapangan pada waktu yang telah ditetapkan. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sendiri persekitaran fizikal dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh pengundi di kawasan kajian. Kaedah ini penting untuk membantu pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan yang dijalankan.

Data sekunder pula merujuk kepada data yang telah diolah atau diperoleh dari sumber lain seperti majalah, akhbar dan lain-lain. Antaranya adalah kajian kepustakaan dan kajian atas talian. Menerusi kajian ini, data sekunder didapati daripada bahan bacaan yang boleh dipercayai seperti pembacaan terhadap buku ilmiah, artikel jurnal, kertas persidangan dan seminar, laporan penyelidikan dan tahunan, laman sesawang, majalah dan akhbar tempatan. Selain itu, maklumat juga diperoleh daripada sumber daripada internet bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Maklumat yang didapati dalam talian juga banyak dibantu menerusi laman sesawang rasmi kerajaan dan negeri.

Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk memperoleh sesuatu maklumat ataupun data. Di perpustakaan terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya buku ilmiah, majalah, artikel jurnal, kertas seminar persidangan, risalah, akhbar, laporan penyelidikan, laporan bulanan dan tahunan kerajaan dan sebagainya. Perpustakaan yang sering dikunjung oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat dan data adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia.


Dalam kajian ini juga, pengkaji juga mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar online, blog, aplikasi Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Youtube dan sebagainya. Rujukan secara online ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat berkaitan politik yang diperlukan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

### **3.2 Analisis Data**

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan teknik menganalisis data. Hal ini kerana data akan dikemaskini mengikut pengagihan maklumat bagi setiap soalan (variable) dengan menggunakan aplikasi ‘Statistical Package for The Social Science Version Personal Computer’ atau dipanggil SPSS PC. Aplikasi SPSS ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan kerana perisian tersebut dapat menganalisis pelbagai jenis data serta dapat menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat.

### 3.3 Kawasan Kajian

Chetok merupakan sebuah kampung yang terletak di Pasir Mas, dalam Negeri Kelantan Darul Naim, iaitu sebuah negeri di utara Malaysia. Kelantan merupakan sebuah negeri di utara Malaysia, dengan keluasan lebih kurang 14.922 km<sup>2</sup>. Ia terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan, dan bersempadan dengan Provinsi Narathiwat, Thailand. Kelantan ialah sebuah negeri agraria (pertanian) yang mempunyai banyak kawasan tanaman padi dan perkampungan nelayan. Poskod yang digunakan di Kampung Chetok, Pasir Mas, Kelantan adalah 17040. Chetok juga merupakan sebuah bahagian pilihan raya negeri di Kelantan, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dengan kod N14 (Lihat Rajah 1). DUN Chetok berkeluasan 83 km persegi dan mempunyai jumlah pengundi 22,149 orang sehingga PRU-14 (2018). Dari segi komposisi etnik, terdapat 95.27 peratus etnik Melayu, 4.49 peratus etnik Cina, 0.03 peratus etnik India dan 0.21 peratus etnik lain di kawasan DUN Chetok ini.



RAJAH 1: Peta kawasan DUN Chetok, Rantau Panjang, Kelantan

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta P.023 Rantau Panjang, SPR, 2022

Kawasan DUN ini mula dipertandingkan pada PRU-7 (1986) dan memberi mandat kepada seorang ahli Dewan Undangan Negeri di DUN Kelantan mengikut sistem undi terbanyak. DUN Chetok menjadi kawasan bagi pilihan raya DUN bermula pada tahun 1984. Pada PRU-7 (1986), DUN Chetok telah dimenangi oleh calon BN iaitu diwakili oleh Hasan Mohamed. Pada PRU berikutnya iaitu PRU-8 (1990), Ab. Rahman Musa yang mewakili PAS telah menawan kerusi DUN tersebut daripada BN. Pada PRU-9 (1995) dan PRU-10 (1999) masih dimenangi PAS melalui calon baharu iaitu Hanafi Daud. Kemudian pada PRU ke-11 (2004) sehingga PRU ke-14 (2018), PAS kekal menang di DUN Chetok iaitu PRU-11, (2004 - Abdul Halim Abdul Rahman), PRU-12 (2008 - Abdul Halim Abdul Rahman), PRU-13 (2013 - Abdul Halim Abdul Rahman) dan PRU-14 (2018 - Zuraidin Abdullah).

Penduduk di kawasan Chetok majoriti adalah berbangsa Melayu dan diikuti bangsa Cina. Sekolah Rendah Chetok dan Sekolah Menengah Chetok merupakan salah satu institusi pendidikan yang menjadi teras kepada DUN Chetok. Kegiatan pekerjaan yang giat dijalankan oleh penduduk di Chetok adalah menorah getah, bercucuk tanam dan berniaga.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan pengaruh program pembangunan terhadap pilihan politik pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chetok, Rantau Panjang, Kelantan. Tiga objektif khusus yang akan dijawab dalam hasil kajian dan perbincangan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap konsep pembangunan di kawasan kajian; untuk mengkaji partisipasi politik dan persepsi politik responden di kawasan kajian; dan untuk menganalisis pengaruh program pembangunan terhadap pilihan politik responden di kawasan kajian.

##### 4.1 Ambil Tahu Berkenaan Pembangunan di Kawasan Responden

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan, peratusan responden yang mengambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian adalah 80.4 peratus. Hal ini demikian kerana rakyat berpendapat bahawa keadaan pembangunan di kawasan kajian adalah penting untuk kesejahteraan hidup mereka lebih-lebih pembangunan yang seajar dengan keperluan hidup. Pembangunan di kawasan tersebut juga dapat menunjukkan bagaimana gerak kerja pimpinan parti politik di kawasan kajian. Bagi sesetengah responden, mereka menyatakan bahawa sesebuah pembangunan adalah merupakan tanggungjawab pemimpin parti politik di kawasan tersebut. Sekiranya bukan pimpinan parti politik yang bertanggungjawab, maka sesebuah pembangunan tidak dapat dimajukan seiring dengan perkembangan negara.

Selain itu, pembangunan di kawasan kajian ini turut menunjukkan tahap kemajuan di kawasan kajian. Peningkatan kemajuan dalam pembangunan mampu menjamin kesejahteraan para penduduk serta dapat memberikan keselesaan kepada mereka. Dalam pada itu, pembangunan yang moden menjadikan penduduk menjadi lebih terbuka dan sama-sama membangun serta membuka minda mereka supaya terus maju ke hadapan.

Di samping itu, penduduk mengambil tahu berkenaan pembangunan adalah untuk mengetahui bagaimana corak pembangunan di kawasan kajian. Pembangunan yang sedia ada boleh dikategorikan sebagai salah satu saluran perkhidmatan buat penduduk. Namun begitu, dengan mengambil tahu tentang pembangunan di kawasan kajian, maka penduduk dapat meninjau keadaan fizikal pembangunan yang disediakan dan pembangunan yang masih belum dibangunkan.

Berikutnya, rakyat yang mengambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian ini juga mempercayai bahawa sesebuah pembangunan yang baik dan terurus akan menunjukkan bahawa

pimpinan parti politik di kawasan tersebut bertanggungjawab serta mengambil cakna. Rakyat telah memberi kepercayaan kepada mereka dalam hal ehwal pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Justeru, rakyat meletakkan sepenuhnya kepercayaan tersebut dalam menjalankan pembangunan yang baik sekali gus menjadi orang tengah kepada rakyat untuk memperoleh sesuatu yang baik kepada rakyat. Keadaan ini turut membolehkan rakyat menilai sama ada parti politik yang dipilih oleh rakyat mampu menjalankan tanggunjawab dengan baik mahupun tidak.

Seterusnya, responden turut menyatakan bahawa mereka mengambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian adalah untuk memastikan kawasan tersebut tidak ketinggalan jauh daripada kawasan lain dalam hal ehwal pembangunan. Hal ini turut berkait apabila sesetengah pemimpin telah membuat manifesto untuk menjanjikan pembangunan yang baik serta mampu menjamin kesejahteraan rakyat. Pemimpin parti politik dapat memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat standing dengan tahap pemerintahan mereka. Pemimpin parti politik kawasan kajian dapat menjadi suara masyarakat dan memperjuangkan kepentingan rakyat dalam membuat keputusan publik termasuklah keputusan pembangunan.

Sebaliknya, sebanyak 5.9 peratus responden yang tidak ambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian. Hal ini membawa maksud responden tidak peka dan tidak cakna berkenaan keadaan pembangunan di kawasan tersebut. Mereka tidak meletakkan keadaan pembangunan di kawasan mereka sebagai titik tolak dalam meneruskan kehidupan yang sejahtera. Dalam pada itu, mereka juga tidak mengharapkan sebarang kepercayaan oleh pimpinan parti politik berkenaan pembangunan di kawasan tersebut. Bukan itu sahaja, majoriti responden yang tidak ambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian adalah disebabkan oleh tiada masa untuk meninjau lebih-lebih lagi golongan yang berusia dan mereka yang bekerja di luar kawasan kajian. Selain itu, responden turut yang menyatakan yang mereka tidak ambil tahu berkenaan dengan pembangunan disebabkan mereka melihat bahawa tidak ada sebarang pembangunan yang dibuat selepas sahaja pilihan raya dijalankan.

Berikutnya, sebanyak 13.8 peratus responden yang tidak pasti berkenaan pembangunan di kawasan kajian. Bagi responden-responen ini, alasan mereka yang tidak pasti berkenaan pembangunan adalah hampir sama dengan alasan responden yang tidak ambil tahu berkenaan pembangunan di kawasan kajian. Mereka tidak mempunyai masa dalam membuat pemerhatian terhadap persekitaran di kawasan tersebut. Mereka juga ada berpendapat bahawa suara anak muda dalam campur tangan hal ehwal pembangunan setempat tidak diendahkan. Oleh itu, mereka merasakan bahawa suara anak muda tidak penting lebih-lebih lagi rakyat biasa yang tidak mempunyai tempat dalam sebarang parti politik.

Menurut YB Haji Zuraidin Abdullah (Timbalan Pengurus Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan; ADUN Chetok), beliau menyatakan bahawa:

“Ya, saya faham tahu dan faham mengenai konsep pembangunan. Menyentuh mengenai pembangunan, pertama sekali kita fokuskan kepada pembangunan DUN Chetok. Bagi pembangunan fizikal bermaksud infrastruktur atau kemudahan asas iaitu perhubungan seperti jalan raya dan jalan kampung. Yang kedua pembangunan infrastruktur yang lain adalah tempat-tempat perhubungan awam. Contohnya sekolah dan juga pusat kesihatan. Bagi pembangunan manusia pula adalah melibatkan pembangunan insan. Di Kelantan, kita mengutamakan kedua-dua pembangunan iaitu pembangunan fizikal dan pembangunan manusia/insan. Merujuk kepada data negeri, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai masalah gejala sosial yang agak kritikal. Oleh sebab itulah, kita lebih memberi penekanan kepada pembangunan manusia/insan. Melalui program-program yang dianjurkan oleh kerajaan, pihak sekolah dan pejabat ADUN sendiri, sedikit sebanyak mampu mengubah gejala sosial dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Oleh itu, bagi saya

kedua-dua pembangunan ini sangat penting dan perlu seimbang. Hal ini kerana untuk mencapai pembangunan insan yang baik, sudah pasti memerlukan pembangunan fizikal yang baik. Sebagai contoh, sekiranya hendak ke sekolah mahupun masjid, tapi infrastruktur jalan raya yang tidak baik maka ia menjadi tidak seiring dan pendek kata pembangunan tersebut tidak dapat dicapai.

(YB Haji Zuraidin Abdullah, 19 Mac 2023).

Menurut Mohd Husyairi Hasbullah (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang), beliau menyatakan:

“Ya. Bagi saya pembangunan ini terbahagi kepada dua. Yang pertama pembangunan fizikal dan yang kedua pembangunan dari segi nilai kerohanian atau nilai insan. Pembangunan fizikal ini adalah pembangunan yang melibatkan infrastruktur. Kalau di Negeri Kelantan ini, kita adalah sebuah masyarakat yang majoritinya golongan B40. Jadi, mereka tidak begitu terpengaruh dengan konsep pembangunan. Jadi walaupun Kelantan tidak banyak membangun, tapi tidak memberi kesan kepada pengundi kerana kita lebih kepada mencari makan dari segi sumber ekonomi tradisional. Contohnya, menoreh getah, menangkap ikan dan menternak haiwan. Oleh disebabkan itulah, rakyat tidak kisah sekiranya tidak kilang seperti mana yang ada di bandar dan bagi mereka apa yang ada sekarang ini sudah mencukupi. Dengan itu, rakyat di Kelantan tidak mementingkan tentang pembangunan”.

(Mohd Husyairi Hasbullah, 21 Mac 2023).

#### **4.2 Faham Maksud Pembangunan di Kawasan Responden**

Maksud pembangunan amatlah penting bagi pengetahuan umum rakyat di kawasan kajian. Oleh disebabkan itu, sebanyak 76.5 peratus responden yang memahami maksud pembangunan di kawasan kajian. Pemahaman berkaitan pembangunan bergantung kepada sikap prihatin responden di kawasan tersebut. Responden memahami bahawa pembangunan merupakan satu kemajuan sesebuah kawasan yang memberi kemudahan kepada penduduk. Kemajuan ini juga merangkumi kemajuan persekitaran fizikal mahupun cara hidup penduduk.

Selain itu, maksud pembangunan yang difahami oleh responden juga adalah melibatkan sikap pemimpin yang memerintah di kawasan kajian dalam menambah baik infrastruktur di kawasan tersebut. Contohnya, menambah baik lampu jalan, membaik pulih jalan raya yang berlubang dan sempit dan membantu menyelesaikan masalah rangkaian internet di kawasan luar bandar. Pembangunan seperti ini mampu memberi kemajuan yang baik serta memudahkan masyarakat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan tersebut.

Pembangunan juga tidak semestinya memerlukan bangunan pencakar langit, pusat membeli belah yang mewah namun perlu membangun dari segi kemudahan yang betul-betul diperlukan oleh masyarakat di kawasan kajian. Responden juga faham bahawa pembangunan di kawasan kajian adalah melibatkan perkembangan dari segi kualiti hidup seperti taraf kesihatan, pendidikan, akses infrastruktur serta peningkatan pendapatan dan standard hidup. Keadaan ini akan menjadikan kualiti hidup penduduk di kawasan kajian menampakkan perubahan yang lebih positif.

Seterusnya, responden juga meletakkan kefahaman mereka berkenaan maksud pembangunan sebagai pembinaan infrastruktur yang mampu memberikan keselesaan kepada rakyat. Sebagai contoh,

jalan baharu, pusat bandar baharu dan juga jambatan untuk ke kawasan bandar. Dalam masa yang sama, ia juga seiring dengan pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi yang mana perlu untuk meningkatkan moral dan ekonomi masyarakat setempat.

Berikutnya, maksud pembangunan juga difahamkan sebagai perubahan yang membawa kepada nilai keberhasilan setiap kehidupan rakyat. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, sudah pasti sesebuah pembangunan yang dibuat mempunyai satu objektif yang memberi perubahan hidup kepada rakyat. Justeru, perkembangan pembangunan juga akan berkait dengan tempoh masa yang diperlukan untuk menjadikan pembangunan yang bersifat positif. Contohnya, kemudahan fasiliti dan jaringan pengangkutan. Bagi menjayakan pembangunan ini, banyak perkara dan juga halangan yang perlu dihadapi lebih-lebih lagi bagi pemimpin parti politik di kawasan tersebut. Hal ini kerana, pembangunan yang dirancang sudah semestinya menjadi tanggungjawab pemimpin politik yang memenangi pungutan undi di kawasan tersebut.

Namun begitu, sebanyak 5.9 peratus responden yang tidak memahami berkenaan maksud pembangunan di kawasan kajian. Mereka berpandangan bahawa kehidupan mereka yang tidak bersosial menyebabkan kefahaman berkenaan pembangunan tidak dapat dicapai. Keadaan ini jelas berlaku kepada mereka yang sudah berusia dan tidak mempunyai perkembangan pengetahuan berkenaan maklumat semasa. Mereka agak ketinggalan dalam mengetahui isu semasa pembangunan yang telah dilakukan oleh pemimpin di kawasan kajian. Tambahan itu, ada juga sesetengah daripada mereka yang tidak meletakkan bahawa pembangunan ini perlu dilakukan malah lebih mengutamakan hal ehwal agama.

Sebaliknya, peratus responden yang tidak pasti mengenai maksud pembangunan di kawasan kajian adalah sebanyak 17.6 peratus. Rata-rata responden ini menyatakan alasan tidak pasti kerana mereka merasakan maksud pembangunan adalah begitu luas dan agak rumit untuk difahami. Oleh disebabkan itu, mereka masih keliru dan tidak pasti mengenai maksud pembangunan dan lebih memilih untuk meneruskan kehidupan mereka tanpa menghiraukan dengan perkembangan pembangunan semasa.

Menurut YB Haji Zuraidin Abdullah (Timbalan Pengerusi Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan; ADUN Chetok), beliau menyatakan bahawa:

“Ya, pembangunan begitu penting untuk strategi kempen parti politik dalam sesuatu pilihan raya. Ini kerana, rakyat mahu lihat sejauh mana pencapaian, khidmat, servis kita kepada rakyat dalam bidang pembangunan. Jika tiada apa-apa pembangunan atau petanda yang menunjukkan kawasan tersebut membangun maka pengundi susah untuk menilai calon tersebut sebagai wakil rakyat. Jadi wakil rakyat ini, mahu atau tidak, mereka perlu tunjuk kemampuan dari sudut pembangunan di tempat masing-masing sama ada yang bersifat umum mahupun pembangunan yang lebih bersifat spesifik kepada kumpulan tertentu seperti golongan miskin dan penduduk pedalaman. Oleh itu pembangunan ini wajib sebagai penanda aras dan prestasi proformal mana-mana wakil rakyat. Kebiasaan wakil rakyat yang tidak menghiraukan berkenaan pembangunan di kawasan mereka, kebiasaan mereka akan kalah dalam pilihan raya. Hal ini kerana rakyat akan menilai dari sudut tersebut sebelum mereka membuat pilihan calon. Trend sekarang ini, walaupun ada rakyat yang memilih berdasarkan parti, tetapi bagi pengundi muda mereka akan mengundi berdasarkan calon parti tersebut. Pada pengamatan pengundi muda, calon atau wakil rakyat yang baik mampu mengubah corak pemerintahan di sesuatu kawasan. Maklumat yang diperoleh oleh golongan muda melalui media sosial adalah salah satu cara mampu menilai calon atau wakil rakyat lebih-lebih lagi melalui prestasi kerja. Oleh itu, pembangunan ini penting sebagai satu penanda aras untuk masyarakat menilai kemampuan, keberkesanan khidmat mana-mana wakil rakyat.”

(YB Haji Zuraidin Abdullah, 19 Mac 2023).

Menurut Mohd Husyairi Hasbullah (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang), beliau menyatakan:

“Bagi saya, konsep pembangunan ini penting tetapi bagi mereka yang duduk di bandar. Bagi masyarakat di kampung, pembangunan ini tidak begitu penting. Sebab itulah di Kelantan ini, rakyat tidak kisah sangat walaupun berdepan dengan krisis air walaupun sudah hampir 30 tahun. Kita nak selesaikan masalah air, tidak memberi kesan kepada rakyat. Hal ini kerana kita lebih menggunakan air telaga dan rakyat tidak begitu kisah. Namun kalau pembangunan infrastruktur jalan raya, kemudahan industri tidak penting bagi rakyat Kelantan. Jadi bagi saya, dari segi pembangunan ini tidak membawa kepentingan untuk strategi kempen politik dalam pilihan raya”.

(Mohd Husyairi Hasbullah, 21 Mac 2023).

#### **4.3 Jenis Pembangunan Yang Manakah Paling Penting dan Diutamakan di Kawasan Responden**

Pembangunan yang seimbang adalah seiring dengan keperluan hidup rakyat. Jika sesebuah pembangunan tidak memberi kesan positif sudah pasti matlamat yang dirancang tidak dapat dicapai. Jenis pembangunan yang perlu dibangunkan juga perlu diberi perhatian berdasarkan keperluan rakyat di kawasan tersebut. Oleh disebabkan itu, sebanyak 9.8 peratus responden yang memilih jenis pembangunan fizikal/kebendaan yang lebih penting dibangunkan di kawasan kajian. Pembangunan fizikal adalah melibatkan kepada infrastruktur seperti jalan raya, bangunan pencakar langit dan pusat membeli belah. Pembangunan fizikal yang dibuat dikatakan paling penting dan diutamakan di kawasan kajian disebabkan oleh masyarakat lebih menggunakan perkhidmatan kemudahan fizikal. Responden merasakan pembangunan fizikal lebih ketara dalam pembangunan di kawasan tersebut. Hal ini kerana, masih banyak lagi pembangunan fizikal perlu dibuat dan dibaik pulih.

Seterusnya, sebanyak 13.7 peratus responden yang memilih pembangunan spiritual/rohani/keagamaan sebagai pembangunan yang paling penting dan perlu diutamakan di kawasan kajian. Pembangunan spiritual atau rohani ini merangkumi sebuah pembangunan yang lebih bertumpu kepada ilmu keagamaan dan bersifat modal insan. Perspektif ini dipersetujui oleh responden dengan alasan bahawa jenis pembangunan keagamaan akan jelas memperlihatkan status keagamaan di kawasan tersebut. Keadaan ini turut menjadi simbol yang baik kepada masyarakat di kawasan lain. Tambahan itu, kawasan kajian didiami oleh 3 kaum utama yang melibatkan Melayu, Cina dan India. Dengan ini, setiap daripada kaum ini haruslah ada sifat toleransi yang tinggi untuk menjamin pembangunan masyarakat negara yang saling mencintai serta tolong menolong antara satu sama lain. Maka, akan terciptalah satu fenomena kehidupan yang sangat utuh dalam negara kerana adanya masyarakat yang dapat menggulirkan bantuan semasa kita memerlukan. Bukan itu sahaja, mereka juga berpendapat bahawa pembangunan rohani perlu lebih menonjol lebih-lebih kepada golongan belia. Kawasan kajian yang dipimpin oleh PAS turut menjadi salah satu alasan yang menyebabkan responden memilih pembangunan rohani dan keagamaan. Hal ini kerana ia bersesuaian dengan matlamat serta perjuangan parti tersebut yang mana lebih bersifat islamik.

Sebaliknya, peratus responden yang memilih kedua-dua jenis pembangunan adalah sebanyak 76.5 peratus. Majoriti responden menyatakan bahawa kedua-dua jenis pembangunan perlu

membangun secara seiring dan saling melengkapi kerana kedua-duanya adalah penting. Pembangunan fizikal dan pembangunan keagamaan perlu seimbang supaya rakyat di kawasan kajian dapat merasai kemudahan pembangunan tersebut.

Tambahan itu, kedua-dua jenis pembangunan ini sangat penting dan diutamakan kerana apabila ia berkembang secara seimbang maka rakyat dapat menggunakan fasiliti tersebut dengan baik dan tidak perlu ke tempat lain untuk merasai kemudahan-kemudahan itu. Tambahan itu, apabila pembangunan fizikal dan rohani diseimbangkan maka segala perancangan lain juga dapat dijalankan secara lancar.

#### **4.4 Jenis Partisipasi Dalam Politik Pilihan Raya**

Partisipasi politik pengundi sewaktu musim pilihan raya sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan undi parti politik. Rakyat akan mengambil tempat dalam pelbagai cara bagi mendapatkan maklumat dan isu semasa berkenaan parti politik di kawasan kajian. Pelbagai cara partisipasi yang boleh dilakukan oleh rakyat bagi menjamin pemilihan parti politik yang telus.

JADUAL 1: Cara partisipasi dalam politik pilihan raya (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya	Tidak
1.	Mengundi parti politik	90.2	9.8
2.	Mendengar ceramah politik	60.8	39.2
3.	Berkempen untuk parti politik	23.5	76.5
4.	Menjadi pekerja parti politik	21.6	78.4
5.	Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR	21.6	78.4
6.	Menjadi ahli parti politik	15.7	84.3
7.	Menyertai hari penamaan calon	13.7	86.3
8.	Menjadi Polling Agents/Ejen Mengundi (PA)	13.7	86.3
9.	Membayar/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	11.8	88.2
10.	Menjadi Pegawai seperti Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Ketua Saluran Mengundi dan sebagainya di tempat mengundi yang dilantik SPR	11.8	88.2
11.	Memberi ceramah politik	5.9	94.1
12.	Menjadi Counting Agents/Ejen Pengira (CA)	5.9	94.1
13.	Menjadi Barong Agents/Ejen Barong (BA)	3.9	96.1

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 1 menunjukkan peratus jenis partisipasi responden dalam politik pilihan raya di kawasan kajian. Sebanyak 90.2 peratus responden yang menuaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi dengan ‘Mengundi parti politik’ pada PRU-15 yang lalu. Mengundi parti politik merupakan salah satu partisipasi yang mampu menunjukkan bahawa sikap rakyat yang bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Pada PRU-15 yang telah berlangsung pada hujung tahun 2022 yang lalu, pilihan raya di Malaysia telah mencipta satu sejarah baru yang mana golongan muda yang berumur 18 tahun layak menjadi calon untuk mengundi dalam pilihan raya. Oleh disebabkan perubahan yang berlaku ini, maka peningkatan jumlah rakyat yang mengundi parti

politik adalah bertambah berbanding PRU yang sebelum ini. Namun begitu, terdapat 9.8 responden yang tidak berpartisipasi dalam mengundi parti politik di kawasan kajian. Hal ini boleh berlaku disebabkan oleh faktor masalah kesihatan dan juga kekangan masa. Walau bagaimanapun, tanggapan terhadap mereka juga tidak boleh kita memandang ringan kerana ia boleh berlaku akibat sikap tidak bertanggungjawab dan lepas tangan sebagai seorang warganegara Malaysia.

Seterusnya, partisipasi responden dalam parti politik juga dapat dilihat apabila sebanyak 60.8 peratus responden yang ‘Mendengar ceramah politik’. Ceramah politik boleh didengar sama ada secara majlis fizikal mahupun secara dalam talian. Bagi responden yang begitu berminat dengan politik, mereka akan bersuguh-sungguh mengikut rapat perkembangan parti politik semasa baik secara fizikal mahupun dalam talian. Input yang disampaikan sedikit sebanyak mampu memberi pencerahan kepada rakyat berkenaan calon parti politik, isu politik mahupun perdebatan yang memberi pengaruh pilihan parti. Tambahan itu, di kawasan kajian juga wujudnya tempat yang membolehkan calon parti politik dan jawatankuasa lain untuk mengajak responden bagi mendengar ceramah politik yang disampaikan. Walau bagaimanapun, sebanyak 39.2 peratus responden yang tidak mendengar ceramah politik. Hal ini berlaku kerana rata-rata daripada mereka tidak mempunyai minat yang mendalam dalam bidang politik. Bagi mereka, tugas mereka hanyalah mengundi calon parti politik yang hanya layak pada mata mereka. Oleh disebabkan itu, mereka merasakan mendengar ceramah politik hanyalah membuang masa dan mengarut.

Akhir sekali, jenis partisipasi dalam politik bagi ‘Berkempen untuk parti politik’ adalah sebanyak 23.5 peratus. Berkempen adalah salah satu cara partisipasi politik yang menunjukkan rasa minat yang mendalam berkenaan politik. Mereka akan melibatkan diri untuk sentiasa menyumbang tenaga mereka untuk berkempen bagi pilihan parti yang berkait. Contohnya, mengikuti aktiviti menampal poster, mengibar bendera parti dan membuat iklan atau hebahan kebaikan memilih parti yang dikempen. Justeru, kepuasan mereka juga dapat dirasai kerana mereka merasakan ia berbaloi bagi mendapatkan jumlah undian majoriti bagi parti yang dikempenkan tersebut. Namun begitu, sebanyak 76.5 peratus responden yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti berkempen untuk parti politik mereka. Mereka ini kebiasaya adalah golongan pekerja kerajaan dan juga pelajar yang masih baru dalam bidang politik.

#### ***4.5 Persepsi pengundi terhadap “Isu politik pilihan raya penting untuk rakyat Malaysia”***

Isu politik pilihan raya tidak asing lagi bagi rakyat di Malaysia lebih-lebih apabila tibanya musim PRU. Pelbagai gelagat dan senario yang dapat dilihat baik dalam kalangan calon parti mahupun pengundi itu sendiri. Oleh disebabkan itu, sebanyak 88.2 peratus responden yang setuju akan persepsi terhadap ‘Isu politik pilihan raya penting untuk rakyat Malaysia’. Hal ini kerana, isu politik akan mempengaruhi undi rakyat terhadap calon parti yang bertanding. Rakyat akan lebih memilih calon yang boleh memberi kebaikan kepada mereka dan juga pembangunan negara. Keadaan ini akan mewujudkan kesejahteraan yang baik dalam kalangan rakyat lebih-lebih lagi undian pilihan raya dimenaangi oleh calon parti yang berkebolehan dalam memimpin Malaysia.

Selain itu, ia juga membolehkan rakyat menilai setiap calon yang dipertandingkan. Sekiranya calon parti tersebut terpalit dengan isu politik yang menggugat ketenteraman rakyat dan negara maka rakyat akan ragu-ragu dalam memilih pemimpin tersebut. Hal ini kerana sekiranya isu politik tidak timbul, sudah pasti rakyat akan dikaburi dengan sifat kepalsuan calon tersebut. Oleh disebabkan itulah, persepsi ini akan menjadi penentu kepada rakyat untuk memilih calon pemimpin di kawasan mereka mahupun pemimpin negara.

Seterusnya, responden yang bersetuju dengan persepsi ini turut menyatakan bahawa mereka tidak mahu tertipu dengan janji manis serta sikap bermuka-muka. Dengan itu, mereka akan lebih cakna dalam membuat keputusan serta akan terus membuat penilaian sehabis baik sebelum

mengundi mana-mana calon parti politik. Namun begitu, dari sudut lain, rakyat juga akan mudah terpengaruh dengan apa yang dipaparkan walaupun hakikat sebenar adalah jauh tidak sama dengan persepsi yang cuba dimainkan oleh sesetengah pihak.

Berikutnya, isu politik pilihan raya penting untuk rakyat Malaysia kerana ia mampu menghindari daripada berlaku penipuan terhadap rakyat. Apabila rakyat dihidangkan dengan isu politik maka rakyat akan lebih tertarik untuk mengetahui keadaan sebenar politik di Malaysia. Dengan itu, kemelut antara calon parti dan juga rakyat dapat dijernihkan apabila rakyat mengetahui keadaan politik yang sebenar tanpa sebarang pembohongan. Oleh disebabkan itu, keadaan ini membolehkan rakyat mengambil iktibar dan tidak berkelahi sesama sendiri.

Bukan itu sahaja, ia juga mampu mengelakkan rakyat daripada bersifat ‘rasis’ kerana politik di Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai kaum. Keadaan ini juga turut membolehkan rakyat berfikir secara matang dan tidak membuat keputusan yang salah semasa pilihan raya berlangsung. Jika isu politik mampu membuka mata rakyat maka kestabilan politik akan membenarkan kerajaan berfungsi dengan baik. Ini sekali gus menyumbang kepada kemakmuran masyarakat dan keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, sebanyak 2.0 peratus responden yang tidak setuju bahawa persepsi pengundi terhadap isu politik pilihan raya penting untuk rakyat Malaysia. Keadaan ini disebabkan oleh rakyat tidak mahu menjadikan isu politik sebagai satu perkara yang perlu diberi keutamaan. Mereka akan memilih parti pilihan mereka tanpa perlu diberi pendedahan isu politik semasa.

Namun begitu, sebanyak 9.8 peratus responden yang tidak pasti bahawa isu politik pilihan raya penting untuk rakyat Malaysia’. Mereka majoriti tidak mahu ambil perhatian dan tidak peduli mengenai isu politik lebih-lebih lagi bagi pengundi golongan belia. Mereka masih lagi tidak matang dalam memikirkan berkaitan isu politik dalam Malaysia.

Menurut YB Haji Zuraidin Abdullah (Timbalan Pengerusi Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan; ADUN Chetok), beliau menyatakan bahawa:

“Persepsi pengundi terhadap isu politik ini sangat penting. Ini kerana kita memilih mana-mana parti di peringkat DUN mahupun Parlimen dan parti itu sendiri ada induk di peringkat pusat ataupun federal dan kebangsaan. Oleh sebab itu, isu politik yang bermain dalam negara ini terutamanya isu bersifat nasional boleh mencerminkan sejauh mana parti itu ada integriti, ada prinsip dalam memperjuangkan perjuangan yang dibawa. Jadi kalau isu negatif seperti rasuah, salah guna kuasa dan janji tak ditepati berlebar dalam mana-mana parti maka apabila tiba pilihan raya, mereka mahu mendakwa bahawa parti tersebut memanipulasi segala yang diisukan. Namun sebaliknya, isu tersebut adalah betul. Jadi persepsi seperti ini, rakyat sudah cerdik dan celik untuk menilai. Sekarang ini, mana-mana parti politik tidak boleh lagi memainkan isu politik yang bersifat retorik dan bersifat kata-kata sahaja tetapi gagal untuk melaksanakannya. Jadi berdasarkan soalan itu, persepsi positif mampu memberi tanggapan positif kepada rakyat namun jika persepsi tersebut negatif maka akan memberi kesan yang buruk kepada parti tersebut. Tambahan itu, pemikiran rakyat pada masa kini sudah tidak sama dengan pemikiran rakyat pada zaman PRU tahun 90an”.

(YB.Haji Zuraidin Abdullah, 19 Mac 2023).

Menurut Mohd Husyairi Hasbullah (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang), beliau menyatakan:

“Ya, persepsi adalah penting dalam mempengaruhi undian lebih-lebih lagi pada saat-saat akhir tibanya hari pilihan raya. Hal ini kerana, persepsi pada era kini, persepislah yang

menentukan segala-galanya. Persepsi juga telah membuktikan pada dua pilihan raya yang lepas iaitu pilihan raya 14 (PRU-14) dan pilihan raya 15 (PRU-15), parti politik yang berada pada persepsi yang buruk akan ditolak oleh rakyat sedangkan parti politik yang dipilih tidak mempunyai reputasi yang tidak baik. Oleh disebabkan itu, rakyat lebih melihat reputasi yang buruk berbanding yang baik sehingga persepsi yang buruk tersebut telah mengaburi reputasi baik parti berkenaan. Bila disebarluaskan oleh sebuah parti maka parti yang berkenaan akan menjadi parti yang tidak baik di mata rakyat. Contohnya, persepsi parti yang terlibat dengan rasuah, persepsi parti yang salah guna kuasa dan keadaan ini akan ditolak oleh rakyat. Jadi, saya merasakan persepsi yang buruk ini lagi mempengaruhi keputusan pilihan raya yang dibuat oleh rakyat”.

(Mohd Husyairi Hasbullah, 21 Mac 2023).

#### 4.6 Pendapat Umum Mengenai Persepsi Politik

Tidak dapat dinafikan masih ramai lagi masyarakat membuat tanggapan bahawa politik adalah salah satu strategi untuk saling menjatuhkan pemimpin. Keadaan ini menyebabkan persepsi politik dianggap perkara yang boleh membawa pengaruh kepada pilihan parti politik. Persepsi politik boleh menjadi perkara yang positif dan juga negatif serta boleh membawa kepada permainan politik yang kotor.

JADUAL 2: Pendapat umum mengenai pernyataan Persepsi Politik (Peratus)

Bil.	Persepsi Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Persepsi politik akan mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik atau calon yang bertanding.	96.1	2.0	2.0
2.	Maklumat dan pengetahuan daripada media bercetak, elektronik dan media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya untuk membuat keputusan politik.	94.1	5.9	0.0
3.	Pengurusan persepsi yang baik dan jelas oleh calon dan parti politik akan memastikan pengundi akan menyokong mereka.	88.2	7.8	3.9
4.	Persepsi politik masih boleh memandu pengundi di Malaysia membuat sesuatu keputusan politik dengan waras dan rasional.	84.3	7.8	7.8
5.	Persepsi boleh menimbulkan sentimen yang menyebabkan pengundi menjadi emosi dan tidak rasional ketika mengundi.	76.5	11.8	11.8

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan pendapat umum mengenai pernyataan persepsi politik oleh responden di kawasan kajian. Sebanyak 96.1 peratus responden yang setuju bahawa ‘Persepsi politik akan mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik atau calon yang bertanding’. Persepsi politik ini bergantung kepada pengaruh yang diperoleh sama ada membawa kepada kebaikan mahupun keburukan. Keadaan ini akan mengubah pemikiran rakyat dalam menentukan pilihan parti yang perlu memenangi majoriti undi. Tambahan itu, sokongan pengundi boleh berubah pada setiap kali berlangsungnya pilihan raya umum (PRU). Hal ini kerana rakyat telah banyak dipengaruhi dengan pelbagai perkara yang berbaur hasutan mahupun perubahan yang dilihat oleh mereka sendiri. Oleh disebabkan itulah, berlakunya perubahan kuasa kemenangan parti politik.

Seterusnya, sebanyak 94.1 peratus responden yang bersetuju bahawa ‘Maklumat dan pengetahuan daripada media bercetak, elektronik, dan media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya untuk membuat keputusan politik’. Hal ini kerana, kekuatan pengaruh media sosial tidak dapat disanggiskan lagi, memandangkan capaian ke media berkenaan boleh diperoleh di mana-mana sahaja. Perang persepsi ini akan menentukan parti yang akan dipilih oleh pengundi. Dalam pada itu, bagi peringkat orang awam, mengetahui maklumat khususnya persepsi terhadap parti politik melalui media sudah mencukupi, tetapi bagi penyelidik dan penganalisis politik, mereka perlukan lebih banyak maklumat yang menepati keputusan sebenar.

Berikutnya, responden yang setuju bahawa ‘Pengurusan persepsi yang baik dan jelas oleh calon dan parti politik akan memastikan pengundi akan menyokong mereka’ adalah sebanyak 88.2 peratus. Setelah selesai penamaan calon, maka bermulalah tindakan calon untuk mempamerkan diri mereka kepada rakyat bagi mengaut undian. Setiap calon dari berlainan parti sudah pasti mempunyai cara tersendiri dalam mempengaruhi rakyat. Contohnya, melalui manifesto, rakyat mampu menilai sama ada calon tersebut layak atau sebaliknya untuk diundi. Parti yang ‘memenangi hati nurani rakyat’ dianggap faktor penting untuk membina masa depan negara yang lebih baik serta memastikan politik negara lebih dinamik sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun lagi.

#### ***4.7 Pandangan Terhadap Pernyataan “Program pembangunan yang dilakukan oleh pihak tertentu dapat menentukan pilihan politik anda di kawasan anda kepada pihak tersebut”***

Program pembangunan menjadi aspek penting dalam mempengaruhi rakyat untuk memilih calon parti politik sewaktu pilihan raya. Pembangunan yang wujud akan meningkatkan revolusi yang melibatkan kesejahteraan rakyat dan juga revolusi ekonomi negara. Sebanyak 64.7 peratus responden yang menyatakan bahawa ‘Program pembangunan yang dilakukan oleh pihak tertentu dapat menentukan pilihan politik di kawasan kajian kepada pihak tersebut’. Hal ini kerana program pembangunan dapat menjadi titik penilaian kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang bersifat moden dan sentiasa mempunyai idea baru dalam mencipta arus pemodenan.

Selain itu, ia juga menjadi pengaruh yang besar buat rakyat. Hal ini kerana terdapat banyak infrastruktur yang masih lagi memerlukan baik pulih serta diberi wajah baru. Oleh disebabkan itu, rakyat akan menilai prestasi calon parti politik dari aspek gerak kerja mereka dalam membuat program pembangunan. Program pembangunan yang dibuat perlu selari dengan keperluan rakyat di kawasan kajian. Bukan itu sahaja, ia turut menjadikan taraf hidup yang baik dan rakyat lebih sejahtera.

Seterusnya, sebanyak 13.7 peratus responden yang memberi pandangan bahawa program pembangunan yang dilakukan oleh pihak tertentu tidak dapat menentukan pilihan politik di kawasan kajian. Keadaan ini berikutan, segelintir responden berpandangan bahawa perubahan pembangunan di kawasan kajian masih belum menampakkan perubahan yang dibuat oleh pemimpin. Oleh disebabkan itu mereka merasakan program pembangunan tidak akan mampu membawa perubahan dan tidak akan mempengaruhi mereka untuk menentukan pilihan parti politik.

Akhir sekali, jumlah responden yang menyatakan tidak pasti berkenaan program pembangunan tersebut adalah sebanyak 21.6 peratus. Keadaan ini kerana mereka masih lagi belum memahami kepentingan program pembangunan kepada masyarakat umum. Oleh itu, mereka memilih untuk tidak masuk campur dengan perkembangan pembangunan di kawasan mereka.

Menurut YB Haji Zuraidin Abdullah (Timbalan Pengerusi Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan; ADUN Chetok), beliau menyatakan bahawa:

“Bagi saya, seperti mana yang jawapan kepada soalan tadi, pembangunan ini merupakan satu penanda aras, prestasi ataupun khidmat mana-mana wakil rakyat. Wakil rakyat apabila dipilih sebagai ADUN, beliau perlu bijak untuk berkomunikasi serta berhubung dengan jabatan kerajaan untuk mmbawa isu pembangunan dalam kawasan beliau. Sekiranya wakil rakyat tidak dapat menyelesaikan masalah pembangunan yang dihadapi oleh rakyat, maka ia telah menunjukkan satu kegagalan. Contohnya, masalah jalan raya, masalah madrasah, masalah masjid dan masalah air. Namun begitu, tidak semua masalah ini 100 peratus dapat diselesaikan namun jika sudah mencapai 60 peratus maka ia telah menunjukkan satu kejayaan. Oleh itu, menjawab berkenaan soalan tadi, pembangunan yg selari dengan pencapaian servis atau khidmat yang dibuat oleh wakil rakyat akan dinilai oleh rakyat itu sendiri”.

(YB Haji Zuraidin Abdullah, 19 Mac 2023).

Menurut Mohd Husyairi Hasbullah (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang), beliau menyatakan:

“Setakat ini tidak. Kalau ikut pembangunan yang dibuat dalam Chetok ini, parti yang dikuasai oleh parti yang sama sepanjang berpuluhan tahun, tidak berbuat apa pun pembangunan dan yang membuat pembangunan adalah parti yang kalah. Contohnya, dari segi jaringan jalan, infrastruktur pendidikan, infrastruktur kesihatan semuanya dibuat oleh kerajaan pusat. Sebelum PRU-14, Kerajaan pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional (BN) dan kemudian pada PRU-15 baru-baru ini pun, menteri pada masa itu yang membawa pembangunan adalah parti BN. Selama 30 tahun iaitu semenjak tahun 1990, walaupun pembangunan dibawa oleh Kerajaan Pusat namun kerajaan negeri yang tidak berbuat apa-apa juga yang menjadi pilihan rakyat”.

(Mohd Husyairi Hasbullah, 21 Mac 2023).

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pilihan parti politik oleh rakyat di kawasan kajian akan terus kekal sekiranya mereka menolak pemodenan kawasan tersebut. Mereka lebih rela memilih untuk mengekalkan parti politik yang sedia ada dan menolak pembangunan yang dikemukakan oleh parti politik lain. Justeru, melalui penyelidikan ini, pengkaji dapat merungkai berkenaan pandangan mengenai pengaruh program pembangunan dalam memilih pimpinan parti politik di kawasan kajian. Oleh itu, pengkaji mengharapkan semoga kajian ini dapat memberi pendedahan dan pengetahuan baru berkenaan pentingnya juga pembangunan di kawasan kajian yang mana turut dipengaruhi oleh pimpinan parti politik di kawasan tersebut. Hal ini disebabkan oleh masih ramai generasi muda yang masih lagi merangkak memerlukan pembaharuan yang moden mengikut peredaran zaman. Sekiranya isu ini masih lagi tidak dipandang serius, maka konflik serta isu tuding jari antara kerajaan negeri dan pembangkang tidak akan menemui titik penamat.

## Rujukan

- Abdul Rahman. (1999). *Kesedaran dan Partisipasi Politik Dalam Kalangan Masyarakat Siam Kelantan: Kajian Kes di Kawasan Dewan Undangan Kelaboran Tumpat*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gaziano, C. (2013). Knowledge Gaps, Belief Gaps, Ideology and Culture Wars. *Open Journal of Political Science*: 3(4): Gaziano, C. 2013. Knowledge Gaps, Belief Gaps, Ideology and Culture Wars. *Open Journal of Political Science* 3(4): 116-130
- Hassan Harun. (1999). *Kelantan Rakyat Dinamik Negeri Semakin Ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult.
- Hilmy Mochtar. (2014). Public Participation and Political Culture: A Case Study of Voting Behavior in Jombang Regency. *Open Journal of Political Science* 4(4): 244-249.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Keperluan belia dan pendapat politik di kawasan Parlimen Muar, Johor. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3. Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi UPSI. 8-10 Februari 2011.
- Krishnamoorthy, M. (2023). *Anwar Prison to Palace PM for All*. Petaling Jaya: Krishnamoorthy Muthali.
- Mohammad Agus Yusoff. (1995). Pilihanraya umum 1990: mengapa rakyat Kelantan menolak Barisan Nasional?. Dlm. Mohammad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman. (2011). Kekalahan dan kegagalan Barisan Nasional menawan Kelantan dalam pilihan raya umum ke-12. Dlm. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Firdaus Abd Aziz & Azmil Tayeb. (2022). Dinamika Sistem Dua Blok Parti Pada PRU-14: Kajian Kes di FELD Trolak Utara, Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(8):2504-8562.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). *Pembangunan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan*. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 7(Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development): 29-39
- Mohd Rozimi Mohd Nasir & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2012). PAS di Kelantan sehingga Pengisytiharan Darurat 1977. *Demokrasi dan Pilihan Raya* 1(1): 43-60
- Mohd Sayuti Omar. (1994). *Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?*. Kuala Lumpur: Tinta Mera.
- Perepechko, A.S, ZumBrunnen, C. & Kolossov, V.A. (2010). Organization and Institutionalization of Russia's Political Parties in 1905-1917 and 1993-2007: Similarities and Differences From Two Occidentalist Periods. *SAGE Journal*. Rios, A.A. 2015. *Political Change in Jalisco, Mexico*. *Open Journal of Political Science* 5(1) 40-47.
- Samsiyah Ismail. (1996). *Tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi pilihan raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin A Rahim. (2010). Media, demokrasi dan generasi muda: analisis keputusan pilihan raya umum ke-12. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 26 (2): 1-15

Mohd. Mahadee Haji Ismail & Ab. Bassit Husin. (2008). Penterjemahan demokrasi dalam pilihan raya umum ke-12: Satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. In: Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.